

# **INOVASI GURU LINUS MEMBANTU MURID MENGUASAI LITERASI**

*Nazariyah bt. Sani(Ph.d)*

**Jabatan Pengurusan dan Dasar Pendidikan, Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
naza4509@gmail.com**

## **Abstrak**

Murid LINUS perlu menguasai literasi agar mereka celik huruf dan seterusnya berjaya dalam bidang pendidikan (G. Carron dan A. Bordia, 1985; Zinitulniza, 2011). Penguasaan literasi dikuasai melalui sistem persekolahan formal di mana institusi pendidikan memainkan peranan penting (White and Cranitch, 2010). Guru LINUS perlu berinovasi agar murid yang menguasai literasi mempunyai jati diri di bidang masing-masing. Oleh itu bersandarkan Teori Behaviourisme dan disokong oleh Teori Humanistik Maslow, kertas kerja ini akan menghuraikan konsep asas yang dimaksudkan sebagai guru berinovasi. Selanjutnya kertas kerja ini akan memperjelas bagaimana guru berinovasi mampu memangkin murid menjadi manusia yang menguasai literasi. Selain itu kertas kerja ini menghuraikan bagaimana inovasi boleh menjadi amalan guru dalam pembelajaran dan pengajaran di Malaysia. Kertas kerja ini turut menyatakan justifikasi mengapa perlunya inovasi oleh guru dalam pembelajaran dan pengajaran mereka. Akhir sekali kesan inovasi terhadap proses penguasaan literasi murid seterusnya memanusaiakan murid turut diperjelas.

**Kata Kunci:** Literasi, Inovasi, Pembelajaran dan Pengajaran, Memanusaiakan Murid, Jati Diri.

## **Pendahuluan**

Inovasi guru membantu kejayaan murid dalam bidang pendidikan berasaskan sejauh mana penguasaan literasi awal mereka (G. Carron & A. Bordia, 1985; Zinitulniza, 2011). Sistem pendidikan formal adalah wacana guru mendidik murid menguasai kemahiran ini seterusnya membawa perubahan (White & Cranitch, 2010). Contohnya di Eropah, literasi dikaitkan dengan revolusi perindustrian kerana penguasaannya telah mengubah perindustrian tradisi kepada moden (Ingemar & Lawrence, 1974).

Di Malaysia, Inggeris telah memperkenalkan sistem pendidikan berorientasikan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis, dan mengira untuk anak Melayu di Pulau Pinang pada 1821M rentetan daripada revolusi perindustrian di Eropah (A. Rahim, Muhd Aliff, Sanimah, 2006). Hal ini menunjukkan kepentingan literasi kerana penguasaannya telah diberi perhatian sejak zaman kolonial lagi.

## **Takrif Inovasi**

Perkataan inovasi berasal daripada bahasa Latin dan membawa maksud pembaharuan. Inovasi berkait rapat dengan perihal atau tindakan mengadakan, memulakan, mewujudkan sesuatu yang baharu dan terkini. Menurut Kinicki dan Williams (2003), inovasi adalah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk baharu, produk & perkhidmatan yang lebih baik.

Menurut Kamus Dewan, inovasi ialah sesuatu yang baharu diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat, dan lain-lain yang baharu (Kamus Dewan Edisi ke-4, 2009). Inovasi ditakrifkan Glosari Teknologi Pendidikan (1995) sebagai idea, konsep atau strategi baru yang boleh mempertingkatkan sesuatu amalan. Inovasi ialah kejayaan aplikasi pertama pada sesuatu produk atau proses (Oldham & Cuming, 1996). Sementara menurut Ronger E. Miller (1971) inovasi merupakan idea, amalan atau objek yang dianggap baharu oleh seseorang. Spencer (1994) menjelaskan inovasi ialah sesuatu yang dianggap baharu dan lebih baik daripada yang lama oleh seseorang individu.

Inovasi sentiasa berterusan dalam pemikiran dan tamadun manusia bukannya statik (Sufean Husin, 2002). ACEID (1977) pula menyatakan bahawa inovasi ialah *an effort to introduce a practice in order to bring about a social change. The practice need not be totally new, its efficiency and potentially in a new context are the main criteria used in labelling it as innovation. The emphasis is on change in terms of providing a strategy to deal with a specific local or national problem.*

Berasaskanbeberapa definisi di atas, dirumuskan inovasi adalah sesuatu yang baharu dicipta, ada perubahan dengan cara-cara tertentu, boleh berbentuk maujud dan abstrak, dengan menggunakan unsur yang sedia ada yang disusun semula, bermanfaat, bernilai dan menyenangkan. Inovasi dalam pembelajaran dan pengajaran berupa mewujudkan penambahbaikan, pembaharuan suatu sistem pembelajaran agar pembelajaran menjadi lebih bermutu. Penghasilan produk baharu yang membantu murid menguasai literasi dalam bentuk sumber, bahan bantu belajar (BBB), pendekatan, kaedah dan teknik yang bermanfaat kepada murid merupakan inovasi dalam literasi.

### **Takrif Literasi**

Literasi ialah kebolehanmenulisdanmembaca, celikhuruf (Kamus Dewan Edisi ke-4, 2009).Menurut Mahzan, literasi ialah keupayaan minimum yang diperlukan oleh seseorang untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis (Mahzan, 2001). Fokus kertas kerja ini tentangliterasi ialahkeupayaan membaca, menulis dan memahami perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk yang mudah (menggunakan kata hubung) dalam Bahasa Malaysia dan mengaplikasi pengetahuan dalam pembelajaran dan komunikasi harian (Takrifan UNESCO, NKRA Pendidikan, 2011).

Isu literasi diberi fokus dalam agenda pendidikan oleh negara di dunia (Rancangan Malaysia Ke-10/RMK 10, 2010). Isu gagal menguasai literasi adalah isu global (Cumming, 2003; Guzel, 2005). Berasaskan kajian, isu ini wujud di sekolah rendah di Brunei(Tamam, Zamri, Afendi, 2008), 302 juta penduduk India dewasa buta huruf dan 40 juta kanak-kanak tidak menguasai literasi (K. Abdul Gafoor & Jayasudha PG, 2011), kadar buta huruf di India ialah 74.04% pada tahun 2011 (India Census, 2011).

Didapati seramai69% golongan dewasa Nigeria buta huruf (Rashid, 2009). 8% hingga 12% kanak-kanak prasekolah dan 12% kanak-kanak Tahun 1 menghadapi masalah penguasaan kemahiran mendengar dan membaca di Amerika Syarikat dan Kanada (Jamieson, 2007), 45% murid-murid di Arab Saudi buta huruf (2012), 16% kanak-kanak Australia tidak boleh membaca dan menulis (Westwood, 2001). Jadual 1 menunjukkan kadar buta huruf beberapa negara di dunia.

Jadual 1 *Kadar Buta Huruf di Dunia*

<b>Tahun</b>	<b>Kadar Buta Huruf</b>	<b>Negara</b>	<b>Program</b>
2002	80%	Pakistan	
2002	5.9 juta	Mexico	
2004	28%	Nigeria	
1995 hingga 2004	84% - kadar literasi remaja-15-24 thn 69% - kadar literasi dewasa.		UNIVA Functional Literacy Programme (UFLP)
2011	74.04%	India	International Family Literacy Initiative (IFLI)

Sumber: [UNESCO: EFA Global Monitoring Report 2008](#); India Census 2011; Anne & Teresa, 2002; [education.qld.gov.au/literacy/](http://education.qld.gov.au/literacy/)

Didapati banyak murid di Malaysia masih tidak menguasai literasi dewasa ini walaupun Laporan Kabinet amat menitikberatkan penguasaan kemahiran asas 3M (Laporan Kabinet, 1979; Zinitulniza, 2011). Statistik menunjukkan pada tahun 2008, terdapat 54,000 murid Tahun 1 tidak menguasai kemahiran literasi (Pelan Hala Tuju PTK, 2010). Analisis Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga mendapati purata murid tidak menguasai literasi pada peringkat sekolah rendah adalah 0.3 peratus bagi murid lelaki dan 0.2 peratus bagi murid perempuan (RMK10, 2010).

Jadual 1.2 *Kadar Gagal Literasi (Murid) di Malaysia (2006-2009)*

<b>Tahun</b>	<b>Kadar Gagal Literasi</b>	<b>Murid</b>
2006	11%=50,253	Murid tahun 1
2007	10%=51,486	Murid tahun 1
2008	13%= 54,272	Murid tahun 1
2008	24%=117,000	Murid tahun 4 (numerasi)
2008	32,000	Literasi dan numerasi
2009	15.4% - Selangor	Murid tahun 5

Sumber: (Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan, 2010, RMK 10 2010, NKRA Pendidikan 2010)

Oleh itu dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara/*National Key Result Area* (NKRA), KPM melaksanakan Program LINUS/ *Literacy and Numeracy Screening* (Saringan Literasi dan Numerasi). LINUS ialah satu program KPM yang menumpukan perhatian kepada masalah literasi.

Melalui kertas konsep ini, penulis menekankan inovasi dan kepentingannya dalam memangkin penguasaan literasi murid. Hal ini demikian kerana sorotan dari kajian lalu mendapati bahawa inovasi memainkan peranan penting dalam memastikan murid menguasai kemahiran literasi (Shiori, 2009; Alex, Bella & Brenton, 2010). Seterusnya bagaimana menerusi inovasi guru dapat membantu penguasaan literasi murid serta faktor-faktor yang menyokong guru dalam berinovasi dijelaskan. Penulis tidak melupakan kepentingan teori pembelajaran dalam membantu murid membaca dan menulis.

### **Teori Behaviourism**

Guru perlu menguasai Teori Pembelajaran agar memiliki kewibawaan dalam soal P&P. Menguasai Teori Pembelajaran membantu guru menjadi lebih bijaksana membimbing murid dalam proses pembelajaran, memiliki dasar-dasar yang luas dalam hal mendidik, sehingga murid bertambah baik dalam pembelajaran. Selain itu guru dapat menciptakan suatu sistem pendidikan yang efisien dan efektif dengan jalan mempelajari, menganalisis tingkah laku murid dalam proses pendidikan. Kemudian guru mampu mengarahkan proses-proses pendidikan yang berlangsung, guna meningkatkan ke arah yang lebih baik.

Salah satu Teori Pembelajaran ialah Teori Behaviourisme. Pendukung teori ini adalah Bloomfield, Brooks dan Sapir. Antara teori tingkah laku yang popular ialah Teori Bandura, Teori Pelaziman Klasik.

a) Teori Bandura- teori yang diasaskan oleh Albert Bandura ini menekankan tingkah laku manusia berlaku hasil hubungan antara persekitaran dengan kognitif manusia. Pembelajaran bermula apabila murid bertindak dengan rangsangan. Di samping itu, teori ini menyatakan proses pembelajaran tidak akan berjalan lancar sekiranya murid tidak berminat.


b) Teori Pelaziman Klasik- teori ini diperkenalkan oleh Ivan Petrovich Pavlov. Dalam teori ini, Ivan Petrovich Pavlov dlm. Sharani (2007) berpendapat semakin banyak latihan dilakukan, semakin kukuh gerak balas kelaziman. Dalam proses pembelajaran, teori ini lebih disesuaikan untuk kanak-kanak.

Berdasarkan Bandura, minat murid penting untuk kelancaran proses pembelajaran. Sementara Pavlov memfokus pada pengulangan latihan untuk mengukuhkan gerak balas murid. Kajian terdahulu mendapati, kebanyakan murid tidak minat dalam P&P guru (Ramli, 2011). Oleh itu dalam kertas kerja ini, penulis mengenal pasti bagaimana menerusi inovasi guru mengatasi masalah ini seterusnya memacu minat murid agar proses pembelajaran lancar. Teori Bandura tentang tingkah laku diaplikasi untuk mengenal pasti inovasi guru.

### **Teori Humanistik Maslow**

Dipelopori Abraham Maslow dan Carl Rogers. Teori ini mementingkan kesediaan moral dan potensi murid, memfokuskan individu, keunikan diri individu dan kepentingan kemanusiaan terhadap individu. Unsur Teori Humanistik memandang manusia mempunyai keperluan asas. Sekiranya keperluan asas dipenuhi, individu dapat memotivasikan diri untuk mencapai kesempurnaan diri. Hal ini disokong oleh hierarki keperluan Maslow (1984) iaitu jika keperluan psikologi tidak dipenuhi oleh individu, jiwa akan terganggu. Unsur dalam teori ini, membantu guru mengenal pasti bagaimanakah sewaktu P&P literasi, hal-hal seperti potensi murid, kesediaan moral, keunikan diri murid, kepentingan kemanusiaan terhadap murid, keperluan asas murid, keperluan psikologi diberi perhatian oleh guru. Hal ini penting untuk memastikan murid menguasai literasi.


Hal ini digambarkan dalam rajah di bawah:



*Rajah 1. Proses Inovasi Literasi*

Guru memainkan peranan penting dalam P&P di sekolah. Oleh itu inovasi guru dalam persiapan RPH, pelaksanaan P&P adalah faktor pemangkin kejayaan murid dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis. Potensi diri dan murid perlu dikembangkan, pola pendekatan terhadap murid dalam P&P perlu ditingkatkan. Guru berinovasi sentiasa membina idea baharu, menghasilkan teknologi baharu, memperbaiki kualiti P&P untuk menyelesaikan masalah agar dapat memenuhi cita rasa seramai mungkin manusia (Sufean Husin, 2002).

## Ciri-ciri Guru Berinovasi



Rajah 2. Ciri-ciri Guru Berinovasi

- a. Berwawasan –positif, sedia beranjak paradigma, berfikiran luas, optimis, mudah menerima perubahan.
- b. Kompetensi- keterampilan - penguasaan pengetahuan, profesional dan sentiasa sedia berkongsi ilmunya. Beliau mahir tentang teori pembelajaran dan tingkah laku manusia, bersikap positif, menasihati murid dengan ikhlas serta menguasai kandungan pengetahuan dalam bidang pelajaran yang diajar, menguasai kemahiran mengajar yang memudahkan pembelajaran murid (al-Ghazali, 80, Cooper, 2006).
- c. Kemahiran–mahir berkomunikasi, membaca personaliti murid, teknologi, menyelesaikan masalah. Menurut Hierarki Maslow, keperluan asas murid seperti makan, minum mesti dipenuhi agar murid positif dalam pembelajaran. Guru perlu mahir dan tahu apa yang murid perlukan.
- d. Berkreativiti- Kreatif merangsang kecerdasan murid dan mengembangkan subjek yang diajarnya. Sentiasa produktif kerana apa yang dikenal pasti itu akan dijadikan bahan pembelajaran yang menarik. Optimis, sentiasa berusaha menggali idea baharu untuk memacu potensi murid.
- e. Produktif-Konsisten dan komited dalam memastikan setiap yang ditulis akan dilaksanakan. Mengubah diri daripada *user* kepada *producer*. Contoh terbaik, akhirnya guru sendiri



menulis buku teks. Sentiasa melakukan refleksi melalui Kajian Tindakan, berkolaboratif , menyenaraikan kekurangan diri dalam P&P seterusnya memperbaiki.


f. Mendidik bukan mengajar- nilai-nilai murni ditanam dalam diri murid, menjadi teladan, hasilnya kemenjadian murid terlaksana.

g. Idola –Guru idola mewujudkan persekitaran kondusif untuk murid, tidak lari daripada masalah, berdiri kukuh di belakang murid-muridnya, sumber rujukan murid, memotivasikan menghargai murid, tidak mementingkan dirinya tetapi sentiasa memikirkan bagaimana memastikan murid-muridnya menguasai literasi.

h. Profesion keguruan merupakan keutamaannya.

## 2. Inovasi Guru Pemangkin Penguasaan Literasi Murid

Bagaimana inovasi guru mampu menjadi pemangkin penguasaan literasi murid? Hal ini direalisasikan melalui pelbagai inisiatif guru dalam proses pembelajaran seperti Rajah:



Rajah 3. Inovasi Guru dalam Pembelajaran

### Memahami IQ, EQ dan SQ Murid

Keupayaan otak murid tidak sama. Ada murid yang mahir mengira, berbahasa dan kreatif dalam seni. Hal ini dikenali sebagai *intelligence quotient*/IQ iaitu kemampuan intelektual murid. Terdapat pula murid yang mampu memaksima pengendalian emosi, pandai bergaul dan disenangi rakan-rakan. Hal ini dikenali sebagai *emotional quotient*/EQ iaitu kemampuan emosi murid. Guru perlu arif dalam hal perbezaan kemampuan daya intelektual murid ini dalam sesi P&P dan bagaimana murid menjalani cabaran.

## **Mendorong Murid**

Setelah memahami kemampuan intelektual murid, sebagai guru, dorongan perlu diberi kepada murid. Murid didorong dan dibimbing untuk berusaha gigih, tidak mudah putus asa, bertanggungjawab dan berinovasi.

Selain itu *spiritual quotient*/SQ tidak boleh diabaikan guru. Asas SQ adalah mendidik murid mengikut lunas-lunas agama. Murid dididik agar belajar dengan amanah, berbuat sesuatu secara benar sesuai dengan peraturan sekolah. Nilai setiap yang dilakukan adalah ibadah perlu diterap dalam diri murid dan murid perlu memberi manfaat bagi manusia lain.

Akhirnya perkara yang tidak boleh diabaikan ialah kecerdasan sosial murid. Oleh kerana murid adalah berbeza agama, ekonomi, bangsa, dan bahasa, guru bertanggungjawab memupuk budi pekerti yang luhur dalam diri anak didik mereka. Tiga perkara yang disebut di atas seringkali diabaikan guru dalam sesi P&P.

Menurut ciri-ciri dalam Teori Humanistik perkara seperti potensi murid, kesediaan moral, keunikan diri murid, kepentingan kemanusiaan terhadap murid, keperluan asas murid, keperluan psikologi diberi perhatian oleh guru agar murid lebih bermotivasi menghadapi pembelajaran.

## **3. Inovasi Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Guru**

Inovasi boleh diamalkan dalam P&P guru secara:

### **Nilai Murni Sebagai Landasan Pembelajaran**

Murid dididik dengan nilai-nilai murni kerana nilai ini merupakan mangkin yang sangat penting bagi melahirkan murid yang berjaya. Kesantunan budi, ketinggian pekerti adalah landasan ke arah kebaikan. Galakkan permulaan pembelajaran dengan doa, kata-kata yang baik.

### **Optimis dalam Anjakan Paradigma**

Guru sentiasa optimis dan bersedia menganjak paradigmanya dari gaya pembelajaran tradisional ke arah kemajuan teknologi. Guru perlu kreatif memanfaatkan persekitaran, sentiasa mendahului menguasai kemajuan teknologi, pandai bergaul, bijak merujuk bahan untuk dijadikan sumber pembelajaran selain buku-buku ilmiah. Kekuatan minda, fizikal dan sosial guru perlu sebagai asas kepada anjakan ini.

### **Pembelajaran Berasaskan Teknologi**

Dewasa ini, murid diiktiraf sebagai bijaksana dan mampu menjana pengetahuan sendiri. Pembelajaran berasaskan teknologi memudahkan murid bijak ini mengakses ilmu dari perisian komputer, internet, laman web dan teknologi lain. Guru sebagai pembimbing dan pemudahcara sahaja. Ilmu dapat diperolehi di mana-mana dan bila-bilapun tanpa alasan tiada bajet atau tiada masa dan murid tidak bergantung penuh kepada guru.

Guru perlu memastikan murid adalah kompetens dan yakin diri. Peranan guru bukan setakat memperkukuh penguasaan literasi murid, tetapi murid dapat menyumbang sesuatu apabila mereka berada di luar sekolah (Clary & Rhodes, 2006).

### **Pembelajaran Berpusatkan Murid**

Keaktifan murid dapat ditingkatkan menerusi pembelajaran berpusatkan murid. Murid mendengar, melihat, merasakan, mempraktikkan dan mendominasi aktiviti pembelajaran. Sekiranya murid diberi peluang mengajar apa yang dipelajari kepada temannya itu adalah lebih baik kerana murid yang cuma mendengar akan cepat lupa. Memberi peluang murid melihat, memudahkan mereka mengingat. Apatah lagi setelah mendengar, melihat dan berbincang, pasti murid cepat faham. Andai ditambah dengan peluang untuk mengajar teman, maka bertambahlah pengetahuan, kemahiran serta kepakaran murid. Contoh: Guru adakan Sesi Guru Baharu dengan cara memilih seorang murid untuk main peranan sebagai guru dan mengajar kawan-kawan pelajaran yang diperolehi hari itu.

Menerusi pembelajaran aktif, murid secara aktif digerakkan untuk memaksimumkan penggunaan otak masing-masing untuk menyelesaikan masalah, mengaplikasikan apa yang baru dipelajari ke dalam realiti kehidupan. Selain mental, fizikal murid juga digerakkan hingga mereka berasaskan pembelajaran amat menyeronokkan dan hasil pembelajaran dapat dimaksimumkan. Pembelajaran aktif merupakan cara berkesan menyimpan informasi yang baru diterima daripada guru dalam memori otak.

Pelbagai teknik boleh diaplikasikan guru dalam menyampaikan P&P, contohnya, guru mengajak murid bergurindam, menyanyi, berpuisi, berpantun, bersyair atau membimbing murid menukar irama dalam bentuk yang digemari murid seperti *rap*. Contoh mengajar murid mengeja anggota badan menerusi lagu. (irama lagu Enjit-enjit Semut)

PI PI .....	PIPI
MA TA .....	MATA
TE LI NGA.....	Bunyinya telinga
MU KA .....	MUKA
GI GI.....	GIGI
HI DUNG.....	Hidung saya mancung

### **Kenal Pasti Murid**

Guru perlu menghadapi kumpulan murid yang mempunyai keperluan berlainan. Hal ini tidak dapat dielakkan walau sukar bagi guru memberi perhatian kepada semua keperluan yang berbeza ini. Oleh itu guru perlu bijaksana dalam mengenal pasti unsur-unsur perbezaan ini. Contohnya, perbezaan potensi, kecerdasan otak, kecerdasan emosi, dan kecerdasan sosial.

### **Kenal Pasti Keperluan Murid**

Inovasi guru dalam empati terhadap murid perlu agar guru dapat rasakan perasaan murid. Hal ini penting agar guru dapat kenal pasti keperluan murid sebagai individu di dalam kelas. Sedikit usaha daripada guru akan memudahkan penggubalan sukatan, program, dan pemilihan kaedah, membuat pilihan bahan pengajaran mengikut kemahiran dalam konstruk yang diperlukan oleh murid.

Sebagai contoh guru perlu faham mengapa murid perlu bersedia menghadapi P&P. Seterusnya guru perlu arif murid mudah terangsang sekiranya disogok dengan aktiviti bersantai, *hands on activity*. Hal ini demikian kerana fitrah murid ingin bebas tapi terkawal, dikasihi dan dihargai. Inovasi guru membolehkan semua keperluan ini mudah dipenuhi, andai guru berusaha, menganalisis tingkah laku murid sesuai dan memahami.

Masalah murid juga berbeza dan kemahiran murid tidak sama. Menggunakan inovasi guru dapat mengenali murid yang bermasalah mengenal huruf memerlukan kemahiran fonetik, pengamatan dan melebihi kemahiran yang lain. Murid yang bermasalah menulis memerlukan kemahiran pra tulisan, mekanis dsb. Bagi murid yang seperti ini, kaedah yang sesuai perlu diberikan.

Guru yang sentiasa berinovasi pasti ada berbagai-bagai pendekatan dalam menghadapi murid-murid yang belum menguasai literasi. Contohnya menggunakan kaedah langsung, guru mampu memastikan kemahiran yang ingin dibekalkan kepada murid itu sesuai dengan konteks penggunaannya. Huruf, perkataan, frasa dan ayat yang diajar kepada murid perlu dikaitkan dengan persekitaran dan realiti kehidupan yang sesuai agar pelajar tahu untuk menggunakannya jika perlu. Hal ini dinamakan kaedah situasi pula. Kaedah situasi dapat mendorong murid menggunakan daya kreatif masing-masing apabila berada dalam situasi tertentu.

### **Memberi Diberi Peluang Bersuara**

Guru berinovasi perlu memberi kesempatan kepada murid untuk bersuara. Murid dirangsang agar berasa berani, bebas menyatakan pendapat. Oleh itu mereka akan menjana diri untuk berfikir dan mampu berhujah menurut pendapatnya sendiri. Hal ini penting untuk melihat apakah ada perubahan dari pengetahuan dan tingkah laku murid. Contohnya adakah murid semakin bersemangat belajar, semakin memahami pelajaran, menguasai literasi, akhlak dan tingkah laku semakin baik.

## **4. Keperluan Inovasi dalam Pembelajaran & Pengajaran Guru**

Mengapa inovasi perlu dalam P&P guru?Inovasi perluagar:

### **Melahirkan generasi yang mapan**

Inovasi penting dalam P&P guru kerana orientasi pendidikan yang hanya bertumpu pada angka dan huruf akan melahirkan kerapuhan pada anak murid dan guru itu sendiri. Hal ini demikian kerana orientasi begitu berpaksikan materialistik hedonis yang condong individualis dan tidak memikirkan orang lain. Masing-masing berlumba-lumba memastikan kejayaan sendiri dengan membelakangkan nilai moral. Hasilnya akan mendatangkan kerosakan generasi masa hadapan, kebenaran diputarbelitkan, kosong rohani, dan miskin etika sosial.

Sistem pendidikan tidak mahu melahirkan generasi yang merugikan masyarakat dan negara. Guru ingin melihat generasi seterusnya ialah generasi mapan, intelek, bermoral dan beradab yang membawa perubahan pada bangsa tercinta. Kita tidak mahu generasi yang dilahirkan tanpa jati diri kerana akibatnya amat menyedihkan seperti terjerumus dalam peri laku yang merosakkan nilai murni kehidupan seperti pembuangan bayi, meragut, berzina, membunuh, menderhaka kepada ibu bapa, memfitnah sesama rakan yang berlaku dalam masyarakat hari ini.

### **Kemenjadian Murid**

Misi pendidikan berinovasi ialah kemenjadian murid. Maksudnya mendidik murid sehingga berjaya dalam kehidupan. Murid dididik, dihargai, tidak dieksploitasi meskipun memiliki perbezaan latar belakang, bangsa, taraf kehidupan, dan kecerdasan. Demi menjadikan murid biar mereka berkembang sesuai dengan fitrahnya, agar merdeka jiwanya seterusnya menjadi manusia yang memakmurkan kehidupan di dunia. Mereka bebas dari pemikiran tidak sihat, memilih landasan yang benar, yakin diri, berdiri kukuh tidak mudah rapuh.

### **Guru Idola Murid**

Guru berinovasi menjadi rujukan murid. Murid menyayangi guru idola mereka. Oleh itu manfaatkan kasih sayang murid itu agar mereka menguasai kemahiran membaca, menulis, dan mencerdaskan murid melalui P&P. Guru membimbing murid untuk mahir dan cerdas dalam kehidupan. Guru berinovasi mampu mendorong murid menterjemah apa yang dipelajari semasa sesi P&P dalam realiti kehidupan, menggalakkan murid berfikir kreatif, mengajak murid melihat sesuatu dari realiti kehidupan, mengubahnya dalam sesi P&P dan mengaplikasi dalam kehidupan bermasyarakat.

### **Mencapai matlamat pendidikan**

Guru berinovasi mampu mencapai tujuan pendidikan yang sebenar iaitu mendidik, bukan sekadar mengajar dan menyampaikan apa yang ada dalam sukatan, modul dan buku teks sahaja. Guru perlu berinovasi dalam memacu potensi murid agar berketerampilan dan bersosialisasi bukan berisolasi. Hasrat ini jelas terkandung dalam FPK. Murid perlu dinilai secara holistik bukan sekadar nilai peperiksaan. Kegiatan kokurikulum murid perlu diambil kira agar potensinya berkembang penuh di luar potensi akademiknya.

## **5. Kesan Inovasi Terhadap Penguasaan Literasi Murid**

Apa yang berlaku kepada penguasaan literasi murid andai guru berinovasi?

Proses P&P yang berinovasi adalah hasil daripada faktor guru, murid, kelas dan sekolah (Dunkin & Biddle, 1974). Guru berinovasi mampu mengadakan satu suasana, menimbulkan situasi yang boleh membantu murid memperoleh pengetahuan. Seorang guru yang berinovasi bersifat pengasih, cekap dan terlatih, berpengetahuan dalam ilmu yang diajar, menggunakan nasihat yang baik, ada komunikasi berkesan sehingga murid mudah memahami mengikut tahap kemampuan mereka (Al- Ghazali, 1980).

## **P&P Literasi**

P&P literasi berinovasi dirancang secara sistematis dengan mengambil kira faktor fizikal, mental, persekitaran dan sumber pembelajaran di sekitar murid. Hal ini penting untuk memberikan pengalaman belajar yang melibatkan semua faktor di atas melalui interaksi antara guru dan murid. Proses pembelajaran yang dilalui murid mestilah diwujudkan melalui pendekatan pembelajaran yang bervariasi dan berpusatkan murid.

Hal ini demikian kerana inovasi guru dalam pedagogi literasi merangkumi hal-hal seperti memiliki wawasan diri, memahami keperluan murid, mengembangkan sukatan, merancang P&P berinovasi, melaksanakan P&P dengan mendidik, memanfaatkan teknologi pembelajaran, membuat penilaian hasil pembelajaran murid, memperkembang diri murid untuk menterjemah berbagai-bagai potensi yang dimilikinya.

Pembelajaran literasi berinovasi bersifat fleksibel yang guru laksanakan dengan berkesan melalui penggunaan teknologi seperti komputer, internet, laman web dan program-program dapat meluaskan peluang pendidikan kepada masyarakat. Mendidik murid tidak hanya terbatas di dalam bilik darjah sahaja tetapi guru boleh merintis perubahan. Murid diajar menggunakan strategi dan pendekatan yang sesuai dengan kemampuan. Hal ini demikian kerana salah satu prinsip pengajaran ialah penyampaian mengambil kira tahap kemampuan murid (Al-Ghazali, 1980).

Pembelajaran literasi yang berinovasi membolehkan murid menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan berkesan. Kemahiran berfikir murid ditingkatkan. Seterusnya minda kreatif dan inovatif murid dikembang agar lebih demokratik dalam tindakan dan keputusan yang dibuat.

Inovasi guru dalam P&P literasi bergantung pada pengajaran yang mempunyai kesan positif. Guru sering memperkenalkan inovasi dari segi aktiviti pembelajaran. Hal ini menjana perkembangan pemikiran, pembinaan minat, pengembangan kebolehan murid, rangsangan suasana pembelajaran yang memberikan kesan positif kepada pembelajaran. Guru yang berupaya mencetuskan pemikiran kreatif murid adalah model guru yang disukai murid. Kemampuan memenangi hati dan perasaan murid, adalah satu kekuatan domain inovasi yang selalu terabai.

Menerusi inovasi murid digalakkan berkeaktiviti, berhujah, membuat refleksi. Hasilnya kebolehan murid diperkembang, kualiti pengajaran guru dipertingkat menerusi pendekatan, kaedah, teknik dan strategi.

### **Rumusan**

Bagi melahirkan murid yang bersikap positif dan berminat menguasai literasi, inovasi dalam P&P perlu. Inovasi dalam P&P mewujudkan suasana yang kondusif ke arah pembinaan budaya literasi dalam kalangan murid. Pembudayaan literasi dalam kalangan murid membantu murid-murid tersebut menguasai kemahiran membaca dan menulis agar mereka mampu menjadi manusia, aset negara yang berjati diri menghadapi arus globalisasi.

Amalan inovasi dalam memastikan penguasaan literasi murid merangkumi kepimpinan dan pembelajaran profesional, kurikulum dan pedagogi, penilaian dan intervensi, serta akauntabiliti dan sumber. Guru mesti mempunyai pengetahuan mendalam tentang kurikulum. Pembelajaran literasi secara profesional melibatkan pendekatan dan perancangan seluruh sekolah. Semua guru bertanggungjawab kepada *outcome* literasi iaitu murid. Pembelajaran literasi mestilah merentasi kurikulum. Penilaian guru terhadap murid mestilah kritikal dan disertai bukti yang kukuh. Guru perlu melaksanakan intervensi dan perancangan pembelajaran individu kepada murid.



## Bibliografi

- Abdul Rahim Marasidi, Muhd Alif Redzuan dan Sanimah Hussin. (2006). Pemodenan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia Mencipta Jarak Bangsa Serumpun: Satu Tinjauan Awal Terhadap Perkembangan Bahasa Indonesia Dalam Novel Dan Media Cetak. *Prosiding Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu*, anjuran bersama Jabatan Bahasa Melayu, FBMK, UPM. DBP, dan KeKKWa, hlm 1- 24.
- Alex, Bella and Brenton. (2010), Seeing “things” differently: Recognition, ethics, praxis. *Jurnal of English Teaching: Practice and Critique*, Vol. 9 No 2.
- Cumming-Potvin, Wendy; Renshaw, Peter; Van Kraayenoord, Christa. 2003, A Sociocultural Analysis of Language Learning: New Forms of Literacy Practices in a Language and Culture Awareness Programme, v17 n6 p391-407 ,Journal Articles; Reports – Research.
- G. Carron and A. Bordia. (1985), *Issues in Planning and Implementing National Literacy Programmes*, UNESCO, Paris.
- Guzel, Cigdem Is; Berberoglu, Giray, (2005). An Analysis of the Programme for International Student Assessment 2000 (PISA 2000) Mathematical Literacy Data for Brazilian, Japanese and Norwegian Students, v31 n4 p283-314 ,Journal Articles; Reports Research.
- India Census. (2011)
- Ingemar Fagerlind dan Lawrence J.Saha. (1974), *Education and National Development*
- K. Abdul Gafoor & Jayasudha PG. (2011), *Cracking The Illiteracy Kernel: Need For New Model, Second National Colloquium on Empowerment of Youth*, Rajiv Gandhi National Institute Of Youth Development, India.
- Kemba A. N’Namdi. (2005), *Guide to Teaching Reading at the Primary School Level*, UNESCO.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2011), *Buku Panduan dan Pengoperasian, Program Literasi Dan Numerasi (LINUS)*, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Laporan Kabinet , (1979)
- Laporan Keciciran Murad. (1972)
- Mahzan Arshad. (2001), *Literasi bahasa: Wawasan kebudayaan dan intelektual dalam Pendidikan*. Dewan Bahasa, Jilid 1, Bil.2.

- Michelle Yeo. (2007), *New literacies, alternative texts: Teacher's conceptualisations of Compositions and literacy*, University of Victoria, British Columbia, *Journal of English Teaching: Practice and Critique*, Volume 6 (1).
- NKRA Pendidikan. (2010).
- Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (2010),
- Rancangan Malaysia Ke-10, 2010.
- Rozihan Abdul Aziz. (2002), *Budaya Organisasi Dan Inovasi : Kajian Kes Di Sebuah Organisasi Perisian Komputer Tempatan*, Tesis Master UPM.
- Shiori Tachiwana. (2009), *How the Spread of Literacy Empowered the Citizens and Nation of Japan*, Thesis Washington College.
- Spencer, V.G., Scruggs, T.E. & Mastropieri, M.A. 2003. *Content area learning in middle school Social studies classrooms and students with emotional or behavioral disorders: a Comparisons of strategies*. *Behavioral Disorders* 28
- Sufean Hussin. (2002), *Inovasi Dasar Pendidikan- Perspektif Sistem Dan Organisasi*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Afendi Hamat. (1989), *Faktor Dan Kesan Masalah Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan Di Brunei Darussalam*, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol 1 Bil 1.
- Westwood, P. (2001). *Reading and Learning Difficulties: Approaches to Teaching and Assessment*. Camberwell, Victoria: Australian Council for Educational Research Ltd.
- White Paul & Cranitch Maya. (2010), *The Impact on Final Year Pre-Service Secondary Teachers of a Unit in Teaching Literacy and Numeracy across the Curriculum*, *Australian Journal of Teacher Education*.
- Zinitulniza Abdul Kadir. (2011), *Sudut Pandang Muhyiddin Yassin*. Institut Terjemahan Negara Malaysia.